


### Soalan 1

Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respon kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



Send Attach Save Draft Spelling Cancel

Daripada: raihanmansur@e-warkah.com Show BCC

Kepada: zainijohari@e-warkah.com

Subject: Penyertaan dalam Program Penglibatan Masyarakat (CIP) Plain Text

Arial 12 B I U T [color] [background color] [font size] [list] [bulleted list]

Zaini

Apa khabar? Sudah lama awak tidak mengirinkan berita. Awak sibukkah?

Sebenarnya, saya hendak berkongsi dengan awak pengalaman saya mengambil bahagian dalam Program Penglibatan Masyarakat (CIP) sekolah saya.

Minggu lalu, saya telah ke sebuah kampung yang terletak di kawasan pedalaman negara Vietnam. Saya berpeluang mengajar kanak-kanak di sana berbahasa Inggeris. Pengalaman itu sungguh bermakna bagi saya.


Sekolah awak pun ada menganjurkan programnya sendiri, bukan? Kalau tidak silap, pelajar sekolah awak telah mengumpulkan surat khabar lama dan pakaian terpakai secara besar-besaran. Boleh awak ceritakan kepada saya projek tersebut dan pengalaman awak menyertainya?

Balas e-mel saya cepat-cepat, ya? Hingga berjumpa pada kesempatan yang lain.

Salam hormat

Raihan

## Emel Tidak Rasmi 1

<p><b>Introduction</b></p> <p>Exchanging pleasantries</p>	 <p>Raihan</p> <p>Terimakasih di atas kiriman e-mel awak. Memang sudah lama saya tidak mengirinkan awak khabar berita. Maafkan saya kerana akhir-akhir ini saya agak sibuk dengan pelajaran kerana banyak tugas sekolah yang perlu disiapkan setiap minggu. Saya dan keluarga dalam keadaan sihat. Saya harap demikian juga halnya dengan awak sekeluarga di sana.</p>
<p><b>The Main</b></p> <p>Responding to query to set up the context</p>	<p>Saya tumpang gembira bila mendengar pengalaman awak melibatkan diri dalam Program Penglibatan Masyarakat (CIP) di kawasan pedalaman negara Vietnam. Memang benar pengalaman demikian sangat bermakna. Sekolah saya juga menganjurkan program CIP tetapi program tersebut tidak memerlukan kami ke luar negara. Saya dan teman-teman di sekolah telah mengumpulkan surat khabar lama dan pakaian terpakai secara besar-besaran.</p>
<p>Furnishing details based on queries</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>The CIP</li> </ul>	<p>Program CIP kami telah berlangsung tahun lepas pada hari Rabu minggu terakhir sebelum sekolah tutup bagi cuti sekolah bulan September. Semua pelajar daripada menengah satu hingga menengah lima telah mengambil bahagian. Tujuan utama projek kami adalah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan para pelajar dan penduduk setempat pentingnya menjaga alam sekitar dengan baik dengan menyemai tabiat mengitar semula barang-barang terpakai khususnya surat khabar lama dan pakaian terpakai. Di samping itu kami juga berharap dapat mengumpulkan pakaian-pakaian terpakai kanak-kanak yang masih baik untuk diberikan kepada para penduduk miskin yang tinggal di sebuah kampung di kawasan pedalaman Kemboja. Sekumpulan pelajar menengah tiga seramai 20 orang dengan dipimpin oleh empat orang guru berhasrat telah melakukan program CIP di sana pada cuti sekolah bulan Disember tahun lepas. Hasil penjualan baki pakaian terpakai yang dikumpulkan serta surat khabar lama telah digunakan</p>